

17/03/2003

Perarakan bantah serangan AS

KUALA LUMPUR: Satu perarakan secara besar-besaran akan diadakan minggu ini di sini bagi menunjukkan bantahan rakyat negara ini terhadap rancangan Amerika Syarikat dan sekutunya menyerang Iraq.

Perarakan itu anjuran Perikatan Keamanan Rakyat Malaysia (Aman Malaysia) akan menyaksikan wakil penganjur mengemukakan memorandum mengenai bantahan rakyat Malaysia itu kepada Kerajaan Amerika Syarikat menerusi pejabat kedutaannya di sini.

Penyelaras merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pemandu Aman Malaysia, Zulkifli Mohd Alwi, berkata perarakan dan penyerahan memorandum itu akan diadakan sempena perhimpunan Aman 2 yang dicadangkan dalam beberapa hari lagi.

"Selepas perhimpunan Aman 2 selesai, kita akan berarak," katanya kepada Berita Harian.

Tarikh, tempat berhimpun Aman 2 dan laluan perarakan belum ditetapkan lagi.

Zulkifli berkata sebelum ini Aman Malaysia cuma mengemukakan bantahan dan pendirian kepada Sidang Kemuncak Negara Berkecuali (NAM) dengan penyerahan memorandum serta tanda tangan lebih dua juta rakyat Malaysia melalui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada perhimpunan Aman Malaysia di Stadium Nasional Bukit Jalil, dekat sini 23 Februari lalu.

"Jawatankuasa Pemandu Aman Malaysia sedang berunding bagi membincangkan pengisian perhimpunan Aman 2 dan memorandum bantahan yang diserahkan nanti.

"Bantahan Aman Malaysia kali ini akan ditujukan lebih khusus kepada kerajaan Amerika Syarikat yang menjadi penggerak utama serangan terhadap Iraq,"

Beliau berkata, semua 1,500 pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang menyertai perikatan itu akan menyertai perhimpunan Aman 2 dan berharap lebih banyak lagi NGO akan tampil memberi sokongan.

Zulkifli berkata, segala persiapan perlu sedang dibuat bagi menjayakan perhimpunan dan perarakan yang menyusul sebagai tanda protes rakyat Malaysia terhadap tindakan perang ke atas Iraq.

Katanya, jika di Bukit Jalil bulan lalu pihaknya berjaya menghimpun lebih 200,000 rakyat Malaysia, pada perhimpunan kali kedua ini, adalah diharapkan lebih ramai rakyat negara ini menyertainya sebagai tanda cintakan keamanan dan menentang peperangan.